

## **Pembiayaan Margin Saham Hong Leong – Kempen SMF Perfect 3**

### **TEMPOH KEMPEN**

Kempen “*SMF Perfect 3*” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) ini bermula pada **1 Julai 2016** dan tamat pada **31 Disember 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dinyatakan sebaliknya

### **Terma & Syarat**

**Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk kempen di bawah (“T&S”)**

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada HLB yang membuat permohonan baru untuk Pembiayaan Margin Saham Hong Leong (“Fasiliti”) sepanjang Tempoh Kempen sehingga 31 Disember 2017 (“Pelanggan”).
2. Individu yang berikut adalah TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - (i) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang tindakan salah laku dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB, telah diisytiharkan kebangkrutan mufliis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen;
  - (ii) Pelanggan yang telah melakukan, atau didapati oleh HLB berkemungkinan untuk melakukan mana-mana kesalahan seperti yang tertera di atas.
  - (iii) Pelanggan yang membuat permohonan Fasiliti ini untuk pembiayaan Skim Opsyen Syer Pekerja (ESOS) dan Saham Terbitan Awam (IPO)
  - (iv) Pelanggan sedia ada yang mempunyai Akaun Pembiayaan Margin Saham (“Akaun SMF”) sebelum Tempoh Kempen menghantar permohonan baru untuk tambah nilai pada Fasiliti yang sedia ada semasa Tempoh Kempen.
  - (v) Pelanggan sedia ada yang telah menutup Akaun SMF dahulu dan telah membuat permohonan pembukaan Akaun SMF yang baharu dalam tempoh kurang dari setahun daripada tarikh penutupan akaun SMF terdahulu .
  - (vi) Pekerja HLB sama ada secara tetap atau secara kontrak.

### **MEKANIK KEMPEN**

3. Pelanggan yang memenuhi kriteria-kriteria dalam fasal 4 di bawah ( “Pelanggan yang Layak”) akan layak mendapat kadar faedah seperti berikut: -
  - (i) Kadar faedah pada 3% kadar tetap bagi tempoh tiga (3) bulan pertama; dan
  - (ii) Kadar faedah yang akan dikenakan ialah pada kadar BR + 1.26% untuk bulan keempat (ke-4) dan seterusnya.
4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat / kriteria-kriteria dinyatakan seperti di bawah, :-
  - (i) Menyerahkan permohonan Fasiliti baru sewaktu Tempoh Kempen; dan
  - (ii) Menerima Fasiliti tersebut dan buka Akaun SMF pada / atau sebelum 31 Januari 2018. Pelanggan akan diberi tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat Tempoh Kempen, iaitu sehingga 31 Januari 2018 diberikan untuk tujuan Pelanggan menghantar Fasiliti baru sewaktu Tempoh Kempen, dan menerima Fasiliti tersebut dan membuka Akaun SMF baru.

### **TERMA AM**

5. Kempen ini adalah tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan mana-mana kempen berterusan lain yang berkaitan dengan Pembiayaan Margin Saham yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa, melainkan diberitahu sebaliknya.
6. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan;

- (i) telah membaca dan memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S Kempen;
  - (ii) bersetuju melayari laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("web HLB") untuk mendapatkan maklumat terkini tentang sebarang pertukaran atau perubahan T&S berkenaan Kempen ini;
  - (iii) bersetuju bahawa semua rekod Pelanggan dicatatkan dalam sistem HLB untuk Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
  - (iv) bersetuju bahawa keputusan pihak HLB ke atas perkara berkaitan Kempen, termasuk kelayakan Pelanggan untuk menyertai Kempen ini, adalah muktamad bagi semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
  - (v) bersetuju bahawa semua permohonan untuk Fasiliti tersebut adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan HLB.
7. HLB berhak :
- (i) untuk menolak apa-apa permohonan untuk Fasiliti yang dikemukakan tanpa memberi alasan;
  - (ii) membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan atas sebarang sebab di atas budi bicara yang dianggap wajar oleh HLB, menurut budi bicaranya yang mutlak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini;
  - (iii) untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini pada bila-bila masa, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicaranya dengan menyiarkan di laman web HLB, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB dengan memberi notis kepada Pelanggan mengenai penambahan, pemotongan atau pindaan terhadap terma dan syarat tersebut
8. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah secara peribadi menanggung semua cukai yang berkenaan, bayaran kerajaan atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, T&S muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
10. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia.